



PERUTUSAN
YBHG. DATO' IR. TS. HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.3/2026
PADA 18 MAC 2026 (RABU) JAM 9.30 PAGI

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera. Salam Malaysia Madani

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Tn. Ir. Ts. Br. Mohd Kamal bin Mohd Yusof Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban, Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pengamal media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran :
 - I. YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun, ADUN Sikamat ;
 - II. YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hassan, ADUN Rantau ;
 - III. YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, ADUN Nilai ;

- IV. YB Puan Nicole Tan Lee Koon, ADUN Bukit Kepayang;
- V. YB Hajah Tengku Zamrah bt Tengku Sulaiman, ADUN Ampangan ;
- VI. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya ;
- VII. YB Tuan Chew Seh Yong, ADUN Lobak ;
- VIII. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang ;
- IX. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau ;
- X. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang ;
- XI. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng ;

Syukur Alhamdulillah segala puji dan syukur kepada Ilahi kerana dengan izin dan limpah-Nya dapat juga Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Bandaraya Seremban Bil.3/2026 dapat diadakan dan dihadiri oleh Ahli Mesyuarat bersama-sama dengan pemerhati.

- 3. Untuk makluman Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, mesyuarat yang diadakan hari ini disiarkan secara langsung menerusi laman sosial *Facebook* rasmi Majlis Bandaraya Seremban dan turut dibantu oleh Jurubahasa daripada Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA).

4. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bermesyuarat pada hari ini dalam semangat kebersamaan dan tekad memperkukuh perkhidmatan kepada rakyat.
5. Hari ini saya ingin mengupas beberapa isu global semasa dan sedang hangat dibincangkan. Hari ini kita hidup dalam satu dunia yang semakin tidak menentu. Dunia yang sering digambarkan sebagai dunia VUCA — dunia yang penuh dengan **Volatility, Uncertainty, Complexity dan Ambiguity**. Dalam dunia seperti ini, perubahan berlaku dengan sangat pantas, masa depan sukar diramal, cabaran semakin kompleks dan situasi sering kali tidak jelas.
6. Jika kita melihat kepada konflik geopolitik yang berlaku di dunia hari ini — termasuk ketegangan antara Amerika Syarikat, Israel dan Iran — kita dapat melihat dengan jelas bagaimana keadaan global boleh berubah dalam sekelip mata. Apa yang berlaku ribuan kilometer dari kita boleh memberi kesan kepada ekonomi dunia, harga minyak, kestabilan politik dan kehidupan masyarakat di seluruh dunia.
7. Perang dan konflik ini mengingatkan kita bahawa dunia hari ini saling berkait. Apabila laluan perdagangan global terganggu, apabila harga tenaga meningkat atau apabila ekonomi dunia berdepan ketidakpastian, kesannya turut dirasai oleh bandar-bandar di seluruh dunia, termasuk bandar-bandar yang sedang membangun.

8. Dalam dunia yang penuh cabaran ini, kepimpinan bandar tidak lagi boleh berfikir secara lokal semata-mata. Pemimpin bandar perlu mempunyai pandangan global, memahami perubahan dunia dan bersedia menyesuaikan strategi pembangunan bandar dengan realiti yang sentiasa berubah.
9. Sejarah dunia menunjukkan bahawa bandar yang berjaya adalah bandar yang dipimpin oleh pemimpin yang mampu melihat peluang di tengah cabaran. Di bandar Curitiba, Brazil kepimpinan Datuk Bandarnya, Jaime Lerner telah mengubah sebuah bandar biasa menjadi model bandar lestari dunia melalui inovasi dalam pengangkutan awam.
10. Di Bogotá, Colombia Datuk Bandarnya Enrique Peñalosa membuktikan bahawa pembangunan bandar yang berjaya bukan sekadar tentang ekonomi, tetapi tentang memberikan ruang kehidupan yang lebih adil kepada rakyat melalui pengangkutan awam, laluan basikal dan ruang awam yang berkualiti.
11. Begitu juga di bandar Bandung, Indonesia kepimpinan kreatif Datuk Bandarnya Ridwan Kamil telah menjadikan bandar tersebut sebagai simbol bandar kreatif yang berjaya menggabungkan inovasi, komuniti dan identiti tempatan.

12. Kisah-kisah ini memberi satu pengajaran yang sangat penting kepada kita. Dalam dunia VUCA, bandar yang berjaya bukanlah bandar yang paling besar atau paling kaya, tetapi bandar yang paling bersedia menghadapi perubahan.
13. Di Seremban, kita juga sedang melangkah ke arah masa depan tersebut. Melalui visi pembangunan bandar yang berteraskan bandar pintar, mampan dan berdaya saing, kita berusaha memastikan bahawa bandar ini bukan sahaja berkembang dari segi fizikal, tetapi juga kukuh dari segi ekonomi, sosial dan kesejahteraan masyarakat.
14. Akhirnya, dunia mungkin penuh dengan ketidaktentuan. Konflik global mungkin berlaku, ekonomi dunia mungkin berubah dan cabaran baru mungkin muncul. Namun satu perkara yang pasti — masa depan bandar akan sentiasa ditentukan oleh visi pemimpin dan kekuatan masyarakatnya.
15. Dan dengan visi yang jelas serta kerjasama semua pihak, saya percaya bandar seperti Seremban mampu berdiri teguh dalam dunia VUCA dan terus melangkah ke hadapan sebagai bandar yang memberi inspirasi kepada generasi akan datang.
16. Satu Visi baru berkaitan bandar Seremban yang saya inginkan ketengahkan ialah 'Seremban Bandaraya Terbersih di Dunia'. Visi ini bukan sekadar tentang membersihkan jalan raya atau menguruskan sisa pepejal dengan lebih baik. Ia adalah tentang membina satu budaya baharu dalam masyarakat — budaya yang menghargai

kebersihan, menghormati alam sekitar dan menjaga bandar yang kita cintai bersama. Visi ini juga selari dengan asas keimanan kita yang menuntut kita menitik beratkan isu kebersihan di dalam kehidupan seharian kita.

17. Untuk mencapai impian ini, ia memerlukan kerjasama semua pihak. Pihak Berkuasa Tempatan akan memainkan peranan dalam menyediakan sistem pengurusan sisa yang lebih cekap, persekitaran bandar yang lebih terancang dan kemudahan awam yang lebih baik.
18. Namun pada akhirnya, kejayaan sebuah bandar tidak hanya bergantung kepada dasar dan polisi. Ia bergantung kepada sikap dan kesedaran masyarakatnya. Apabila rakyat bangga dengan bandar mereka, mereka akan menjaga bandar itu seperti rumah sendiri.
19. Saya percaya bahawa dengan komitmen yang berterusan, semangat kebersamaan masyarakat serta visi kepimpinan yang jelas, Seremban mampu muncul sebagai sebuah bandar yang bukan sahaja maju dan mampan, tetapi juga dikenali di seluruh dunia sebagai Bandaraya Terbersih di Dunia. Saya difahamkan juga MBS telah menerima Anugerah ASEAN *Clean Tourist City 2024-2026* (peringkat Malaysia) pada tahun 2024 dan saya berharap anugerah ini dapat terus dikekalkan dan turut menyertainya di peringkat ASEAN pada pertandingan akan datang.

20. Sehubungan itu, saya meminta Jabatan Kesihatan Persekitaran merangka satu Pelan Tindakan Khusus berhubung perkara ini dalam usaha mencapai Visi Besar Bandaraya Seremban berkaitan kebersihan. Pelan ini perlulah merentas seluruh agensi, swasta dan NGO yang terdapat di Seremban mahupun Negeri Sembilan. Asas kepada pelan ini perlulah daripada DALAM RUMAH yang merupakan institusi penting di dalam mendidik masyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang.

Sumber : Unit Perhubungan Korporat

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

21. Sehingga **15 Mac 2026**, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut

:-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2026 (RM73.29Juta) Prestasi =
RM64.72Juta (75.06%)

(b) Sasaran 30% Kutipan Tunggakan (RM28.97Juta)

Prestasi = RM5.69Juta (5.9%)

- (c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM167Juta)
Prestasi = RM78.64Juta (47.09%)

- (d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM257.5Juta)
Prestasi = RM96.42Juta (37.44%)

- (e) Belanja Mengurus (RM256.80Juta)
Prestasi = RM54.89Juta (21.38%)

- (f) Belanja Pembangunan (RM13.70Juta)
Prestasi = RM3.70Juta (26.97%)

Perbandingan bagi tahun 2025 pula, sehingga **16 Mac 2025** :-

- (a) Cukai Taksiran
Sasaran 85% Bil Semasa 2025 (RM70.43Juta) Prestasi =
RM62.02Juta (74.85%)

- (b) Sasaran 30% Kutipan Tunggakan (RM28Juta) Prestasi
= RM7.28Juta (7.8%)

- (c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM161Juta)
Prestasi = RM78.73Juta (48.9%)

- (d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM246.5Juta)
Prestasi = RM99.38Juta (40.32%)

(e) Belanja Mengurus (RM247.3Juta)

Prestasi = RM34.99Juta (14.15%)

(f) Belanja Pembangunan (RM11.6Juta)

Prestasi = RM0.86Juta (7.43%)

Sumber : Jabatan Kewangan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

KUTIPAN OPERASI DARI PINTU KE PINTU

22. Majlis Bandaraya Seremban sentiasa berusaha meningkatkan dari semasa ke semasa bagi mutu perkhidmatan kepada warga bandar raya Seremban terutamanya dalam urusan pembayaran Cukai Taksiran. Majlis menggalakkan warga bandar raya Seremban menggunakan aplikasi atas talian ataupun *Online* dalam setiap transaksi bagi memudahkan pembayaran tanpa perlu hadir ke kaunter Majlis Bandaraya Seremban. Walaupun begitu, Majlis Bandaraya Seremban tetap memahami kekangan warga bandar raya Seremban terutamanya bagi golongan berusia dan mempunyai masalah talian internet di luar capaian.

23. Sehubungan dengan itu, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan kutipan operasi dari pintu ke pintu. Sepanjang bulan Februari 2026, Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Kewangan telah mengadakan operasi kutipan di Taman Panchor Jaya, Taman Tiara Sendayan, Taman Rimbun Vista, Taman Bukit Blossom dan Taman Bukit Chedang. Sebanyak 5,762 bilangan akaun telah disasarkan dengan jumlah tunggakan RM3,053,311.83 namun hanya 72 bilangan akaun kutipan dengan jumlah sebanyak RM43,590.20 berjaya dikutip.

24. Selain daripada itu, Majlis juga telah mengadakan lawatan ke premis di dalam kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban sepanjang bulan Februari 2026. Sebanyak 20 bilangan akaun disasarkan dengan jumlah tunggakan sebanyak RM168,689.70 namun hanya 5 bilangan akaun kutipan dengan jumlah kutipan RM23,460.00 berjaya dikutip.

Tindakan : Jabatan Kewangan

PENYERAHAN KUNCI RUMAH BAGI PROGRAM BINA BAHARU DI BAWAH PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR (PPKB) TAHUN 2026

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

25. Majlis Bandaraya Seremban komited dalam menyahut seruan Kerajaan MADANI untuk membanteras kemiskinan bandar. Sehubungan dengan itu, pada 9 Mac 2026 yang lalu, saya telah hadir ke Majlis Penyerahan Kunci Rumah Bagi Program Bina Baharu Di Bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) Tahun 2026 di Rasah. Sesi penyerahan ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Siau Meow Kong, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rahang kepada Puan Asiah binti Abd. Rahman, pemilik rumah selaku pemohon PPKB.

26. Untuk makluman, permohonan ini telah diluluskan pada tahun 2024 di mana kos keseluruhan pembinaan rumah tersebut telah dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Kini, pemohon berpeluang mendiami rumah tersebut bersama keluarga untuk persiapan menjelang Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba tidak lama saja lagi.

Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat & Pelancongan

PELAPORAN JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN

PEMBUKAAN KAUNTER BERSEPADU : SESI KONSULTASI PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN TAHUN 2026 MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

27. Majlis Bandaraya Seremban menerusi Jabatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan telah membuka reruai bersepadu bagi sesi konsultasi permohonan lesen perniagaan. Sebanyak 4 jabatan terlibat bagi menjayakan sesi ini iaitu Jabatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan, Jabatan Perancangan Pembangunan, Jabatan Kawalan Bangunan dan Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan MBS bagi memberi penerangan kepada pemohon lesen berkaitan dengan status permohonan lesen diluluskan, diluluskan dengan syarat, diluluskan dengan syarat pematuhan, ditangguhkan dan ditolak.
28. Saya berharap warga bandaraya Seremban mengambil peluang yang disediakan ini bagi memudahkan pemohon memahami dan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Sumber : Jab, Pelesenan & Pembangunan Usahawan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

29. Bermula 1 Januari 2026 sehingga 28 Februari 2026, Majlis Bandaraya Seremban telah menjalankan aktiviti kawalan iaitu :-
- i. *fogging* 7,161 premis ;
 - ii. ULV 8,354 premis ;
 - iii. *larvaciding* 75 lokaliti ;
 - iv. *source reduction* 75 lokaliti ;
 - v. gotong-royong ke atas 26 taman ;
30. Sepanjang bulan Februari 2026, Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2 telah merekodkan sebanyak 61 kematian jenazah warganegara dan 2 jenazah bukan warganegara. Manakala bagi Tanah Perkuburan Islam Ainsdale telah mencatatkan sebanyak 9 pengebumian jenazah warganegara dan bagi Tanah Kristian Sendayan pula merekodkan sebanyak 3 pengebumian warganegara.
31. Sementara itu, pada 11 Mac 2026 pula, satu program taklimat di bawah Kempen Seremban Bebas Plastik telah dijalankan di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Forest Heights yang melibatkan seramai lebih 100 orang murid dan 10 orang guru. Program ini bertujuan mempromosikan inisiatif MBS berkaitan pengurangan penggunaan plastik sekali guna serta meningkatkan kesedaran murid mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar.

32. Selain itu, program ini juga diadakan adalah untuk menyampaikan mesej kesedaran mengenai kepentingan mengurangkan penggunaan plastik sekali guna dan menggalakkan komuniti sekolah menyokong usaha MBS ke arah menjadikan Seremban sebagai bandar yang lebih bersih, lestari dan mesra alam.

33. Secara keseluruhannya, Program Seremban Bebas Plastik di SJK (C) Forest Heights ini telah berjaya mencapai tujuan dan objektif yang ditetapkan, khususnya dalam mempromosikan kempen MBS dan meningkatkan tahap kesedaran murid terhadap isu plastik. Penglibatan aktif murid serta sokongan pihak sekolah membuktikan keberkesanan program ini dan memberi asas kukuh untuk pelaksanaannya diperluaskan ke sekolah-sekolah lain di dalam kawasan daerah Seremban.

Sumber : Jabatan Kesihatan Persekitaran

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN

34. Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Undang- Undang & Penguatkuasaan telah mengambil tindakan penguatkuasaan kompaun pada 1 Januari 2026 sehingga 12 Mac 2026. Laporan pengeluaran kompaun dan amaun adalah seperti dipaparan :-

RINGKASAN PENGELUARAN KOMPAUN MENGIKUT AKTA BERDASARKAN TARIKH 1/1/2026 SEHINGGA 12/3/2026	
BILANGAN KOMPAUN	112,567.00
AMAUN	RM6,078,260.00

BILANGAN KOMPAUN BERBAYAR	40,835	36.27%
AMAUN KOMPAUN BERBAYAR	RM705,117.00	11.6%

Jumlah kertas siasatan (IP) yang telah dibuka pada 1 Januari 2026 sehingga 28 Februari 2026 adalah sebanyak **2,343** kertas siasatan.

35. Ringkasan pengeluaran kompaun mengikut Akta berdasarkan tarikh 1 Januari 2026 sehingga 12 Mac 2026 adalah seperti dipaparan :-

36. Untuk makluman, Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan juga telah menjalankan tindakan penguatkuasaan (roboh / sita / buang) binaan kekal tanpa kebenaran di tempat awam bersama dengan Jabatan Penyelenggaraan seperti dipaparan :-

TAHUN	BULAN	LOKASI	TINDAKAN PENGUATKUASAAN
2026	JANUARI	JALAN PANTAI, SEREMBAN	MENGOSONGKAN TEMPAT AWAM
	FEBRUARI	i. TAMAN WIDURI INDAH, SENAWANG ; ii. TAMAN MEGAWAY, SEREMBAN ; DAN iii. TAMAN NYIOR HIJAU, SEREMBAN	
	MAC	HADAPAN MASJID TAMAN TUANKU JAAFAR	

Sumber : Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan

KEMPEN INTERNET SELAMAT ANJURAN MCMC NEGERI SEMBILAN

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

37. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang giat mempromosikan Kempen Internet Selamat di seluruh Malaysia. Sehubungan dengan itu, saya telah hadir ke kempen tersebut yang dianjurkan oleh MCMC Negeri Sembilan pada 7 Mac 2026 bertempat di Bazar Ramadan Metro Park, Sendayan.

38. Penganjuran kempen ini bertepatan kerana bazar Ramadan merupakan tempat tumpuan masyarakat daripada pelbagai lapisan umur. Melalui program seperti ini, orang ramai dapat didedahkan dengan kepentingan menggunakan internet secara berhemat, selamat dan bertanggungjawab dalam kehidupan seharian.

39. Semasa program tersebut diadakan, saya dan YB Dato' Faizal bin Ramli (Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Warisan, Teknologi, Inovasi dan Digital) turut mengedarkan kit Ramadan kepada peniaga dan pengunjung bazar Ramadan. Majlis Bandaraya Seremban akan sentiasa menyokong usaha-usaha seperti ini yang memberi manfaat kepada masyarakat terutamanya warga bandaraya Seremban bagi meningkatkan kesedaran berkaitan keselamatan siber dan penggunaan teknologi digital secara bijak.

Sumber : Unit Perhubungan Korporat

PROGRAM PENGINDAHAN : TAMAN KITA TANGGUNGJAWAB KITA

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

40. Majlis Bandaraya Seremban menerusi Jabatan Taman & Landskap telah mengadakan Program Pengindahan : Taman Kita Tanggungjawab Kita pada 12 Februari 2026 yang lalu bertempat di Taman Awam Mara, Jalan Keliling, Seremban. Objektif program ini diadakan adalah untuk mewujudkan persekitaran taman yang bersih, indah dan selera serta menyediakan kawasan yang lebih kondusif untuk kegunaan warga bandaraya Seremban melalui aktiviti pengindahan.

41. Melalui program ini juga telah diadakan aktiviti menceriakan persekitaran taman dengan mengecat bangku-bangku, gazebo dan aktiviti pemotongan dahan-ranting pokok bagi memastikan kawasan persekitaran kelihatan kemas, selamat dan menarik. Program seperti ini juga dapat memupuk semangat kerjasama dan saling bertanggungjawab serta meningkatkan semangat kekitaan antara warga kerja Majlis Bandaraya Seremban. Saya berharap program seperti ini dapat diteruskan bagi mendidik masyarakat supaya menjaga keindahan taman dengan nilai-nilai murni seperti kebersihan, tanggungjawab dan keprihatinan terhadap persekitaran.

Sumber : Jab. Taman & Landskap

LAWATAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) DI TAMAN BUNGA RAYA, SILIAU, RANTAU

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

42. Pada 6 Mac 2026 yang lalu, saya telah mendapat pemakluman mengenai satu insiden ribut yang berlaku di sekitar Taman Bunga Raya, Siliau pada jam 4.30 petang. Sehubungan dengan itu, En. Hamdan bin Md Nor Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban kawasan Rantau telah mewakilkan saya untuk mengadakan lawatan tanggungjawab sosial korporat (CSR) ke kawasan tersebut. Saya bersyukur kerana tiada kemalangan jiwa dilaporkan dan hanya berlaku kerosakan struktur rumah.
43. Pentadbiran Majlis telah menghulurkan sumbangan berupa keperluan asas seperti selimut tebal (toto) kepada tiga (3) keluarga mangsa iaitu Puan Jaya Letchumie a/p Krishnan Muthu, Puan N.Gunasundry a/p Narayan dan Puan Annapurani a/p Sarangapany sebagai tanda keprihatinan dan sokongan pihak Majlis.
44. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis yang selalu menjadi tulang belakang dan prihatin dengan isu yang berlaku di kawasan seliaan masing-masing. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Encik Mohd Zaffarin bin Abdul Malek, Penghulu Mukim Rantau yang turut hadir semasa lawatan tersebut diadakan.

Sumber : Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan

BANJIR KILAT DI LEBUH RAYA PLUS UTARA-SELATAN

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

45. Malaysia dikejutkan dengan berita mengenai kejadian banjir kilat yang berlaku di lebuhraya PLUS Utara-Selatan berhampiran Nilai yang telah terjadi pada 5 Mac 2026 yang lalu. Sehubungan dengan itu, saya dan YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan telah mengadakan lawatan ke lokasi banjir bagi mengenalpasti punca berlakunya banjir tersebut.
46. Hasil tinjauan mendapati, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan banjir berlaku iaitu :-
 - i. Terdapat kerja tanah yang dilaksanakan oleh Pemaju Sime Darby di Taman Nilai Impian 2 dan pemilik tanah Xiao Memorial *Park* di bahagian selatan lokasi kejadian ;
 - ii. Terdapat anak sungai (Sunga Semenyih) yang mengalir di belakang RnR Nilai arah Selatan dan Utara menghala ke Negeri Selangor ;
 - iii. Terdapat *culvert* merentasi Lebuhraya Utara-Selatan yang berada berhampiran RnR Nilai arah Utara (lokasi kejadian) ;
 - iv. Hujan lebat dan keadaan air yang banyak dari tapak pembinaan menyebabkan limpahan ke lebuhraya yang mengakibatkan banjir kilat.

47. Sehubungan dengan itu, beberapa tindakan segera perlu dilaksanakan iaitu :-
- i. *Culvert crossing* perlu disemak kapasitinya disebabkan pembangunan yang pesat di Nilai ;
 - ii. Sungai Batang Labu perlu dinaiktaraf / diselenggara oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ;
48. Saya juga turut meminta supaya JPS memantau kolam takungan supaya sentiasa diselenggara dengan baik bagi mengelakkan kejadian seperti ini berulang kembali.

Sumber : Jabatan Kejuruteraan

LAWATAN TURUN PADANG DATUK BANDAR KE BAZAR AIDILFITRI SENAWANG

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

49. Pada 10 Mac 2026, saya telah mengadakan lawatan turun padang ke Bazar Aidilfitri Senawang bersama-sama dengan Tuan Setiausaha, Ketua Jabatan dan Ketua Unit MBS. Lawatan ini adalah bertujuan untuk memastikan keadaan bazar Aidilfitri berada dalam keadaan yang teratur dan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis Bandaraya Seremban. Saya sempat beramah mesra bersama-sama dengan peniaga dan pengunjung di bazar tersebut serta mendapatkan maklumbalas berkaitan kemudahan dan pengurusan bazar.

50. Lawatan ini mencerminkan komitmen Majlis Bandaraya Seremban dalam memastikan suasana bazar berada keadaan kondusif, selamat dan selesa kepada peniaga serta pengunjung sepanjang musim perayaan Aidilfitri.

Sumber : Unit Perhubungan Korporat

PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK ANJURAN BADAN KEBAJIKAN ISLAM MBS

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

51. Pada 2 Mac 2026, Majlis Bandaraya Seremban telah menyempurnakan Program Memasak Bubur Lambuk yang diadakan di perkarangan tempat letak kereta Wisma MBS. Program ini merupakan anjuran bersama Badan Kebajikan Islam MBS, Surau SHAMS Wisma MBS, Kelab Kebajikan & Rekreasi MBS dan ANUALE Cawangan Seremban yang dilaksanakan secara gotong-royong.
52. Saya telah meminta Tuan Setiausaha MBS mewakili saya untuk menyempurkan majlis program tersebut dan menyerahkan bubur yang telah siap dimasak kepada semua Ketua Jabatan, Ketua Unit dan warga kerja Majlis Bandaraya Seremban. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah terlibat menjayakan program ini dan saya berharap supaya kerjasama seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sumber : Unit Perhubungan Korporat

PENGURUSAN PENYEWAAN PANGSAPURI RAKYAT SERI PERDANA PAROI (PPR PAROI) DAN RUMAH PANGSA KOS RENDAH LOBAK (PPRT LOBAK)

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

53. Majlis Bandaraya Seremban kekal komited dalam memastikan kemudahan perumahan sewaan yang disediakan, khususnya di PPR Paroi dan PPRT Lobak, benar-benar memberi manfaat kepada golongan yang layak dan memerlukan. Inisiatif ini bukan sekadar penyediaan tempat tinggal, tetapi merupakan satu amanah sosial yang menuntut keadilan, ketelusan dan integriti dalam setiap keputusan yang dibuat.

54. Sehubungan dengan itu, Majlis Bandaraya Seremban telah menetapkan garis panduan dan kriteria yang jelas bagi memastikan setiap permohonan dinilai secara objektif, berasaskan kelayakan, serta selaras dengan dasar yang telah ditetapkan. Dalam kita melaksanakan tanggungjawab ini, Majlis Bandaraya Seremban turut menerima pelbagai bentuk sokongan, pertanyaan dan cadangan daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk wakil rakyat seperti YB EXCO, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli Majlis dan pemimpin masyarakat setempat.

55. Perkara ini mencerminkan keprihatian dan komitmen semua pihak dalam membantu rakyat. Namun demikian, izinkan saya menegaskan bahawa dalam urusan yang melibatkan kepentingan awam, setiap pertimbangan perlu berpaksikan kepada peraturan dan kelayakan, bukan kepada sebarang bentuk sokongan atau cadangan semata-mata. Ini penting bagi memastikan hak setiap pemohon diperlihara secara adil dan tidak menimbulkan sebarang persepsi yang boleh menjejaskan keyakinan awam terhadap sistem penyampaian perkhidmatan Majlis.
56. Untuk makluman semua, terdapat juga permohonan yang diterima tidak memenuhi syarat yang ditetapkan termasuk dari segi komposisi isi rumah, status pemohon serta faktor pemastautinan di Daerah Seremban. Justeru, penilaian yang tegas tetapi adil perlu dilaksanakan agar keutamaan diberikan kepada mereka yang benar-benar layak. Dalam masa yang sama, saya ingin menarik perhatian bahawa aspek tadbir urus dan pematuhan dalam pengurusan ini turut berada di bawah pemantauan pihak berkuasa berkaitan, termasuk semakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Perkara ini menuntut kita semua untuk terus berpegang kepada prinsip integriti dan kuantabiliti dalam setiap tindakan.

57. Oleh yang demikian, saya ingin menyeru agar semua pihak sama ada wakil rakyat, Ahli Majlis mahupun pemimpin masyarakat agar dapat bersama-sama mendukung dan memperkukuhkan pelaksanaan prosedur yang telah ditetapkan. Marilah kita memainkan peranan masing-masing dalam memberikan kefahaman yang tepat kepada masyarakat agar setiap permohonan yang dikemukakan adalah selaras dengan syarat yang telah ditetapkan, seterusnya memudahkan proses penilaian dilaksanakan secara lancar dan berkesan. Saya percaya bahawa melalui kerjasama yang erat, keikhlasan dalam perkhidmatan serta komitmen terhadap prinsip tadbir urus yang baik, kita mampu memastikan pengurusan perumahan awam ini terus kekal telus, berintegriti dan memberi manfaat kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

Sumber : Jab. Penilaian & Pengurusan Harta

PENUTUP

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

58. Sebelum saya mengakhiri perutusan saya pada hari ini, berbaki 2 hari sebelum Hari Raya Aidilfitri bersamalah kita mengejar malam Lailatulqadar dalam usaha melipat gandakan pahala kita. Dalam pada itu, saya dan ahli keluarga juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga bandaraya Seremban dan Ahli Mesyuarat sekalian. Kepada yang pulang berhari raya ke kampung halaman, suka untuk saya ingatkan supaya memastikan semua pintu dan tingkap dikunci, menutup suiz elektrik dan cabut semula palam peralatan elektrik, cabut kepala gas bagi mengelakkan kebocoran gas, memasang lampu automatik bagi mengelakkan rumah gelap ketika waktu malam dan memaklumkan kepada jiran atau polis menerusi aplikasi *Volunteer Smartphone Patrol (VSP)*.
59. Saya juga ingin mengingatkan kepada warga bandaraya Seremban yang pulang jauh ke kampung halaman, pastikan kenderaan berada dalam keadaan baik, pastikan rehat secukupnya dan memandu mengikut had laju yang telah ditetapkan. Semoga kepulangan kita diraikan dan bukan untuk ditangisi.

60. Semoga Aidilfitri ini menjadi ruang untuk kita mengeratkan silaturahmi, saling bermaafan dan memperkukuhkan semangat kebersamaan dalam komuniti kita. Saya berharap semangat Ramadan yang telah mendidik kita tentang kesabaran, keikhlasan dan kepedulian terhadap sesama insan akan terus kita bawa dalam kehidupan seharian. Marilah kita bersama-sama menjaga kebersihan bandar, memupuk semangat kejiranan serta terus berganding bahu membangunkan bandar ini menjadi tempat yang lebih maju, selamat dan sejahtera untuk generasi akan datang.
61. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan **Selamat Hari Raya Aidilfitri** kepada semua warga bandaraya Seremban. Semoga sambutan hari kemenangan ini disambut dengan penuh kesyukuran, kesederhanaan dan kegembiraan bersama keluarga serta masyarakat.

Sekian, terima kasih.

DATO' IR.TS. HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
18 MAC 2026